u 8540 AAB
MAHATHIR - PULANG (BERGAMBAR) a a

SUBANG, 3 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD SELAMAT KEMBALI KE TANAHAIR PETANG INI DAN DIBERI SAMBUTAN DALAM SUASANA YANG PENUH TERHARU DAN RASA KESYUKURAN OLEH BERIBU-RIBU RAKYAT DI TERMINAL DUA, LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA DI SINI.

BELIAU SENO LR L. YANG KELIHATAN SIHAT, JELAS TIDAK DAPAT MENAHAN AIR MATA KERANA TERHARU, SEMASA MEMBERI UCAPAN RINGKAS KEPADA MEREKA YANG HADIR.

PERDANA MENTERI YANG DIIRINGI OLEH ISTERINYA, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMAD ALI TIBA PADA PUKUL 6.28 PETANG DI TERMINAL SATU SEBELUM DIBAWA KE TERMINAL DUA DENGAN KENDERAAN RASMINYA PADA KIRA-KIRA PUKUL 6.40 PETANG.

TIMBALAN PERDANA MENTERI, ENCIK GHAFAR BABA, SETIAUSAHA AGUNG UMNO DATUK MOHAMED RAHMAT, KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK DAN KETUA PERGERAKAN WANITA UMNO DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, ADALAH ANTARA MEREKA YANG MENYAMBUT DAN MENGIRINGI PERDANA MENTERI SERTA ISTERI DARI TERMINAL SATU.

BENTANGAN PERMAIDANI MERAH SEPANJANG 50 METER DAN PALUAN KOMPANG MENYAMBUT KETIBAAN MEREKA BERDUA SEHINGGA KE PENTAS YANG DISEDIAKAN.
-- LAGI.
2056MST 03 04 89

U 8541 AAB
MAHATHIR - PULANG 2 SUBANG a a a

DOA SELAMAT KEMUDIANNYA DIBACAKAN OLEH ANGGOTA EXCO PEMUDA UMNO, ENCIK ZUBIR EMBONG.

DATUK SERI DR MAHATHIR SEMASA BERUCAP SELAMA HANYA TIGA MINIT BERKATA, BELIAU BERSYUKUR DAPAT KEMBALI KE TANAHAIR SETELAH BERADA DI LUAR NEGERI SELAMA TIGA MINGGU.

+ SAYA KINI MERASA PULIH BERKAT DOA DAN SOKONGAN DARIPADA RAKYAT, + KATANYA DENGAN DISAMBUT OLEH TEPUKAN GEMURUH DARIPADA HADIRIN.

PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU PADA MULANYA TIDAK BERSETUJU DENGAN RANCANGAN UNTUK OLAOAWAN PERHIMPUNAN BAGI MENYAMBUT KEPULANGAN BELIAU.

+ SAYA TIDAK SETUJU KERANA BIMBANG IANYA SEOLAH-OLAH + PEMUJAAN PERIBADI+ . . . TETAPI SAYA INSAF . . . KERANA SEMASA SAYA SAKIT SAYA TIDAK DAPAT BERJUMPA DENGAN SEMUA, + KATANYA DENGAN NADA YANG TERTAHAN KERANA SEBAK KEHARUAN.

PADA KETIKA ITU KELIHATAN DATUK SERI DR MAHATHIR MENGALIRKAN AIR MATA DAN SUARANYA TERSEKAT-SEKAT UNTUK MENERUSKAN UCAPAN.

+ ALHAMDULLILLAH . . . SAYA SUDAH PULIH DAN SAYA HARAP DAPAT MULA KERJA ESOK+ KATANYA SAMBIL MENGUCAPKAN SYUKUR KEPADA ALLAH KERANA DAPAT PULIH DENGAN CEPAT.

SEMASA MENGAKHIRI UCAPANNYA, PERDANA MENTERI MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA RAKYAT YANG TELAH MEMBERI SEMANGAT DAN DOA SUPAYA BELIAU SEGERA SEMBUH. - - LAGI.
2059MST 03 04 89

U 8542 AAB

MAHATHIR - PULANG 3 SUBANG Q Q Q

SEBAIK-BAIK SAHAJA DATUK SERI DR MAHATHIR TURUN DARI PENTAS, BELIAU DIKERUMUNI OLEH MEREKA YANG BERADA BERHAMPIRAN DENGAN PENTAS YANG MAHU BERSALAMAN DENGANNYA.

SEPERTI BIASA, SAMBIL MEMBERI SENYUMAN, BELIAU BERSALAM-SALAMAN DENGAN MEREKA YANG MENGHULURKAN TANGAN WALAUPUN KEADAAN SANGAT SESAK MENGHALANGI LALUAN KE KENDERAANNYA.

SEBELUM ITU, HAMPIR SEMUA MENTERI, TIMBALAN MENTERI, SETIAUSAHA PARLIMEN DAN MENTERI BESAR BERBARIS DI SEPANJANG PERMAIDANI MERAH UNTUK BERSALAMAN DENGAN PERDANA MENTERI DAN ISTERI.

KAIN-KAIN PEMIDANG YANG ANTARANYA TERTERA TULISAN SEPERTI +DR M. BAPA PERPADUAN MELAYU+ DAN +ALLAH LANJUTKAN USIA PEMIMPIN KAMI+ DIJULANG OLEH PARA ANGGOTA PERGERAKAN PEMUDA DAN WANITA NEGERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR DAN ISTERI BERLEPAS KE LONDON PADA 12 MAC UNTUK BERCUTI REHAT SETELAH BELIAU MENJALANI PEMBEDAHAN PINTASAN KORONORI DI HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR, ENAM MINGGU SEBELUM ITU.

SEMASA BERCUTI, BELIAU SEMPAT MELAWAT SEPANYOL DAN MAGHRIBI. -- BERNAMA.

2107MST 03 04 89